

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 8 MAC 2018 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	UV level now extreme	The Sun
2.	NADMA sedia hadapi bencana ketika PRU-14	Berita Harian Online
3.	Hambat di sungai	My Metro
4.	Karnival kerjaya tawar lebih 1,000 pekerjaan	Berita Harian

UV level now extreme

> Reading on clear day could reach high index of 15

BY **AMAR SHAH MOHSEN**
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The public should be concerned by the high level of ultraviolet (UV) radiation in the country, and should take measures to avoid its harmful effects.

According to the Meteorological Department (Met Dept), the UV index reading here varies with the time of the day, and could reach a high of 15 in the afternoon on a clear day.

Its Atmospheric Science and Cloud Seeding Division told *theSun* the readings reach their peak between 10am and 3pm on a typical day, and that readings for this year have been comparable to previous years.

Any readings of 11 or more are considered as extreme, according to the international standard measurement of the level of UV radiation exposure.

"It means extreme risk of harm from unprotected sun exposure. Take all precautions because unprotected skin and eyes can burn in minutes," the World

Health Organisation explained on its website.

Dermatologist Dr Nurashikin Ahmad said long exposure to extreme UV radiation of over 15 minutes could cause both acute and chronic long term skin effects.

"Those with sensitive skin for example are more exposed to these acute effects, like having itchiness, and sun burns. As for the long term effect, it could lead to photo-ageing like wrinkles or even skin cancer."

"So in general, the public should be worried, because considering our climate, we are exposed most of the time to sunlight," she said.

Consultant dermatologist Dr Ch'ng Chin Chwen said even for a person with good skin, extreme UV exposure could trigger skin diseases, or lead to dry skin and more pigmentation.

She added that while sunscreen helps reduce this, it does not block UV rays completely.

"Umbrellas too do not filter UV completely, and you can even still be exposed to the dangers of UV through reflections from windows and cars," she said.

The Met Dept said it is hard to gauge the average value of the UV index as it is totally dependent on the location, weather conditions and the amount of cloud cover.

**BERITA ONLINE
BHARIAN.COM.MY
TARIKH: 08 MAC 2018 (KHAMIS)**



ADUN Bukit Lada, Datuk Ahmad Lebai Sudin (kanan) menyerahkan wang bantuan ihsan kepada mangsa banjir di Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena sambil diperhatikan Datuk Muhammad Yusoff Wazir (dua dari kanan). – Foto Zuliaty Zulkifli

NADMA sedia hadapi bencana ketika PRU-14

ALOR SETAR: Seramai 100,000 anggota agensi penyelamat dan keselamatan di negara ini diletakkan dalam keadaan bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku termasuk bencana menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) nanti.

Timbalan Ketua Pengarah, Sektor Pengurusan Pasca Bencana Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Datuk Muhammad Yusoff Wazir, berkata persiapan anggota semua agensi itu dilakukan berikutan perubahan cuaca di negara ini tidak menentu dan pihaknya bergantung pada ramalan dari Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

Beliau berkata, pada awal Mac, biasanya negara bebas sebarang bencana tetapi cuaca pada ketika ini tidak menentu.

"Semua anggota dari pelbagai agensi iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan agensi berkaitan akan mengundi pos.

"Jadi, mereka akan bersiap sedia menjalankan tugas ketika PRU-14 untuk memastikan kelancaran proses mengundi nanti.

"Cuti semua anggota juga mungkin dibekukan sebagai persiapan jika berlaku bencana alam termasuk ribut dan sebagainya," katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Mangsa Banjir Daerah Pokok Sena, di Pejabat Tanah dan Daerah Pokok Sena di sini, hari ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Lada, Datuk Ahmad Lebai Sudin dan Pegawai Daerah Pokok Sena, Faudzi Ahmad.

Pada program itu, seramai 168 mangsa banjir di dua mukim di daerah itu masing-masing menerima RM500 seorang untuk bantuan banjir tahun lalu.

Sementara itu, Muhammad Yusoff berkata, pihaknya juga memperuntukkan RM50 juta untuk membeli keperluan peralatan untuk semua agensi penyelamat dan keselamatan tahun lalu termasuk 500 bot yang dalam proses penghantaran serta ada yang sudah diserahkan kepada agensi terbabit.

"Tahun ini kita bercadang menambah lagi keperluan yang belum ada untuk agensi berkaitan bagi memudahkan operasi membantu dan menyelamat dilakukan," katanya.

**BERITA ONLINE
HMETRO.COM.MY
TARIKH: 8 MAC 2018 (KHAMIS)**



Hambat di sungai

Batu Pahat: Tindakan seorang juragan bot gentian kaca tidak mengendahkan arahan pihak berkuasa memberhentikan botnya di Sungai Nibong, dekat Tanjung Tohor, Muar, jam 1.30 pagi kelmarin membongkar rahsia membawa dadah bernilai RM316,800.

Dadah itu ditemui dibungkus menggunakan pembalut teh Cina.

Bagaimanapun, juragan dan seorang lagi penumpang bot berkenaan melarikan diri selepas terjun ke laut dan berenang ke kawasan bakau.

Timbalan Pengarah Maritim (Operasi) Maritim Malaysia Wilayah Selatan, Kapten Maritim Sanifah Yusof, ketika kejadian, pihaknya terserempak dengan sebuah bot gentian kaca dalam keadaan mencurigakan sebelum mengarahkannya berhenti untuk pemeriksaan.

Bagaimanapun, bot yang dinaiki dua lelaki itu tidak mengendahkan amaran sebelum memecut laju ke kawasan bakau berhampiran.

“Pemeriksaan pada bot yang ditinggalkan dua suspek membawa sebungkus serbuk mampat dipercaya syabu seberat satu kilogram bernilai RM300,000 serta tiga paket berisi 336 biji pil ekstasi bernilai RM16,800.

“Ia disembunyikan di bawah pukat tunda di dalam bot berkenaan,” katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya merampas bot gentian kaca dan enjin bot ditinggalkan dua suspek berkenaan yang semuanya bernilai RM11,000.

“Dadah yang dirampas diserahkan kepada **Jabatan Kimia** bagi proses analisis dan siasatan lanjut.

“Kami masih menyiasat sama ada dua suspek itu membabitkan nelayan berikutan bot digunakan mempunyai kelengkapan nelayan, namun masih awal untuk membuat kesimpulan,” katanya.

Beliau percaya, kes itu membabitkan rangkaian sindiket dadah antarabangsa apatah lagi modus operandi dan bungkusan pembalut teh Cina yang digunakan adalah sama dengan kes rampasan dadah teh Cina di Melaka, bulan lalu.

“Sehubungan itu, kita bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengesan serta memburu dua suspek lelaki berkenaan,” katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (KERJAYA) : MUKA SURAT V50
TARIKH : 8 MAC 2018 (KHAMIS)



Zainah (tiga dari kanan) bergambar bersama penerima Mesin CNC Desktop hasil sumbangan Technology Park Malaysia.



Suasana proses temu duga terbuka yang diadakan dengan kerjasama JobMalaysia Centre Melaka.



Suasana Hari Kerjaya Intership & Hari Kecemerlangan Kerjaya 2.0

Karnival kerjaya tawar lebih 1,000 pekerjaan

Jasin: Lebih 1,000 peluang pekerjaan ditawarkan bersempena Hari Kerjaya Internship & Hari Kecemerlangan Kerjaya 2.0 yang dianjurkan Politeknik Merlimau Melaka (PMM) dengan kerjasama JobMalaysia Centre Melaka, di sini, baru-baru ini.

Program membabitkan penyertaan lebih 20 maji-

kan itu bagi memberi peluang kepada pelajar PMM yang tamat latihan industri untuk terus mendapatkan pekerjaan.

Pengarah PMM, Rashidah Mustapa, berkata program itu dianjurkan dua kali setahun kerana pelajar akan melapor diri semula ke PMM selepas menjalani latihan industri, iaitu pada

April dan November setiap tahun.

“Melalui program ini, kita amat berharap pelajar dapat menggunakan kemahiran yang mereka miliki ketika menjalani latihan industri untuk memperoleh pekerjaan sebaik tamat pengajian.

“Melalui program ini juga, majikan dapat

mencari bakat muda dan pekerja yang terbaik untuk bekerja di syarikat mereka,” katanya.

Latihan industri

Majlis perasmian karnival kerjaya itu disempurnakan Pengarah Bahagian Hubungan Industri dan Kebolehpasaran Jabatan Pendidikan Politeknik,

Zainah Rujihan.

Seramai 633 pelajar PMM yang tamat menjalani latihan industri hadir pada program sehari itu.

Pada majlis sama, Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) turut menyampaikan mesin desktop Computer Numerical Control (CNC) bernilai RM300,000

kepada tiga institusi pengajian teknikal di negeri ini untuk meningkatkan pengetahuan dan latihan praktikal pelajar terhadap CNC serta modul AutoCAD.

Institusi terbabit adalah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Kolej Vokasional Melaka Tengah dan PMM.